



Siaran Akhbar No. 10/393
UNTUK TERBITAN SEGERA
21 Oktober 2010

Tabung Kewangan Antarabangsa
Washington, D.C. 20431 AS

IMF Menyaksikan Pertumbuhan Pesat Berterusan di Asia, Maka Dasar Lebih Ketat Diperlukan

Asia kekal kukuh menerajui pemulihan ekonomi global, manakala pertumbuhan pesat di rantau ini akan berterusan, kata Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF - *International Monetary Fund*) hari ini dalam *Regional Economic Outlook (REO)* terbarunya untuk Asia dan Pasifik yang telah diterbitkan di Jakarta, Indonesia.

Pengembangan di Asia melebihi jangkaan dalam separuh tahun pertama, ujar IMF, menyebabkan IMF perlu meningkatkan ramalan pertumbuhannya untuk 2010 bagi rantau ini kepada 8 peratus, hampir 1 titik peratusan lebih tinggi daripada ramalannya pada bulan April. Ekonomi di seluruh rantau ini berkembang dengan pesat. China dan India mendahului negara-negara lain dengan kadar pertumbuhan 2010 unjuran masing-masing sebanyak 10.5 peratus dan 9.7 peratus, manakala Indonesia dijangka mengalami pertumbuhan sebanyak 6 peratus. Di Jepun, pertumbuhan kini diunjurkan pada 2.8 peratus. Pada 2011, pertumbuhan serantau dijangka sederhana kepada kadar lebih mampan sebanyak 6.8 peratus.

Pertumbuhan ekonomi yang kukuh membawa kepada cabaran dasar baharu, menurut penganalisis REO. Tekanan inflasi terus bertambah, manakala harga dalam beberapa pasaran harta tanah meningkat pada kadar dua angka. Dengan Asia kekal sebagai destinasi menarik untuk pelaburan asing kerana pemulihan lembap di A.S. dan Eropah, pengaliran masuk modal boleh menambahkan lagi tekanan harga dalam negara dalam tempoh akan datang.

Dengan itu, masanya telah tiba untuk negara-negara di rantau ini untuk memulihkan pendirian dasar kewangan dan fiskal supaya menjadi seperti biasa, menurut kata En. Anoop Singh, Pengarah Jabatan Asia dan Pasifik IMF. “Kami mengalu-alukan langkah yang diambil setakat ini oleh pembuat dasar untuk mengawal risiko inflasi dan mengehendkan peningkatan dari segi mudahnya sektor kewangan terjejas,” kata En. Singh.

REO menyatakan betapa perlunya dasar kewangan dalam banyak negara di Asia diketatkan lagi, termasuk melalui kenaikan nilai kadar pertukaran yang lebih tinggi. Penarikan balik

yang lebih cepat terhadap dorongan fiskal yang ada semasa krisis kewangan global juga boleh membantu melindungi daripada risiko kemaruapan. Walau bagaimanapun, REO menyedari bahawa seandainya keadaan ekonomi global semakin bertambah buruk boleh menjejaskan Asia, masih ada ruang untuk kembali kepada pendirian dasar yang lebih menggalakkan.

Pengurusan pengaliran masuk modal ke rantau ini merupakan cabaran yang sukar. Pengaliran masuk ini mewujudkan banyak peluang, tetapi ia juga mendatangkan risiko potensi kepada kestabilan kewangan. Langkah makro berhemat telah diambil sewajarnya dalam banyak ekonomi rantau ini untuk meminimumkan risiko, tetapi lebih banyak tindakan mungkin diperlukan. Isu penting ini telah dibincangkan baru-baru ini pada persidangan peringkat tinggi mengenai “Dasar Makro Berhemat: Sudut Pandangan Asia” dihoskan oleh People’s Bank of China dan IMF di Shanghai.

Mengimbangkan semula pertumbuhan Asia masih menjadi keutamaan penting dasar sepanjang tempoh sederhana. Dengan permintaan luaran dari ekonomi termaju mungkin tidak kembali ke tahap sebelum krisis sejauh yang nampak pada masa depan, Asia akan memerlukan permintaan dalam negara yang lebih jitu agar dapat meneruskan pertumbuhan yang kukuh. Cakupan luas bagi pembaharuan diperlukan untuk menyokong penggunaan dan pelaburan dalam negara, termasuk mengukuhkan jaringan keselamatan sosial, memastikan capaian kepada kredit, melonggarkan sekatan dalam sektor perkhidmatan dan meningkatkan prasarana. Kenaikan kadar pertukaran adalah bahagian penting dalam pengimbangan semula. “Lazimnya, apabila ekonomi Asia semakin kukuh, mata wangnya juga akan turut kukuh,” ujar En. Singh dari IMF. “Ini menunjukkan tanda kejayaan Asia.”